



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PROSEDUR KEMASUKAN KE MALAYSIA BAGI PENGEMBARA YANG PERNAH DIJANGKITI COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Malaysia masih mengamalkan prosedur kawalan sempadan termasuk pengujian dan kuarantin ke atas pengembara yang tiba ke Malaysia, iaitu bagi mengurangkan risiko pengimportan kes jangkitan COVID-19 dan mengelakkan berlakunya penularan jangkitan virus tersebut. Justeru kes dengan ujian RT-PCR positif tidak dibenarkan masuk ke Malaysia.

Pada masa yang sama, terdapat juga pengembara yang tiba di Malaysia dengan sejarah jangkitan COVID-19. Berdasarkan data dan bukti saintifik serta pengalaman negara-negara lain berkaitan pengurusan kemasukan pengembara yang pernah dijangkiti COVID-19, Kerajaan mengambil pendekatan berikut:

- i. Pengembara hendaklah telah menerima vaksin lengkap dengan bukti penerimaannya;
- ii. Bukti telah dijangkiti COVID-19 dalam tempoh 11 hari hingga 60 hari sebelum berlepas ke Malaysia, melalui keputusan ujian makmal yang dicetak atau secara digital; dan

- iii. Pengembara yang mempunyai sejarah kemasukan ke hospital kerana dijangkiti COVID-19 perlu mengemukakan surat "*Fit to Travel*" daripada pengamal perubatan di hospital terbabit.

Bagi pengembara yang menjalani isolasi atau pengasingan di tempat kediaman termasuk hotel kerana dijangkiti COVID-19 dan tidak dimasukkan ke hospital, mereka perlu menjalani ujian saringan RTK antigen (Ag) profesional dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia. Hanya individu dengan keputusan negatif sahaja dibenarkan meneruskan perjalanan.

Kesemua dokumen berkaitan bagi perkara (i), (ii) dan (iii) di atas hendaklah dibawa dan ditunjukkan kepada pihak berkuasa penerbangan dan kesihatan di pintu masuk, sekiranya diminta.

Selain syarat-syarat di atas, pengembara perlu mematuhi keperluan-keperluan berikut semasa tiba di Malaysia; iaitu:

- Pengembara dikehendaki memuat turun dan mengisi deklarasi kesihatan dalam aplikasi MySejahtera;
- Pengembara dikehendaki mengimbas *QR Code* "Pengembara dari Luar Negara" dengan menggunakan aplikasi MySejahtera semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia;
- Pengembara perlu menjalani saringan status kesihatan termasuk mengimbas suhu badan di PMA; dan
- Pengembara dikehendaki menjalani ujian pengesanan COVID-19 menggunakan RTK Ag di hadapan petugas kesihatan Kerajaan atau swasta yang ditempatkan di PMA.

Setibanya di Malaysia, **pengembara yang pernah dijangkiti COVID-19 dan telah lengkap vaksinasi COVID-19 tidak perlu menjalani kuarantin wajib.** Walau bagaimanapun, bagi pengembara yang **belum menerima vaksinasi lengkap atau tidak divaksinasi, pengembara akan dikenakan kuarantin wajib tujuh (7) hari di stesen kuarantin.**

Kesemua ketetapan terkini bagi prosedur kemasukan ke Malaysia oleh pengembara yang pernah dijangkiti COVID-19 **akan mula berkuat kuasa pada Khamis, 13 Januari 2022.**

Sementara itu bagi pengembara yang tidak pernah dijangkiti COVID-19, ketetapan semasa masih terpakai. Kerajaan akan memaklumkan sebarang perkembangan mengenai situasi dan ketetapan baharu bagi pengembara dari semasa ke semasa.

Sepanjang berada di Malaysia, pengembara diingatkan agar sentiasa mengamalkan norma baharu dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan. KKM juga menyarankan kepada individu yang layak menerima vaksin COVID-19 supaya mendapatkan dos penggalak bagi mencapai tahap perlindungan yang optima serta mengelakkan gejala jangkitan COVID-19 yang teruk serta komplikasinya.

Sekian, terima kasih.

KHAIRY JAMALUDDIN

Menteri Kesihatan Malaysia

12 Januari 2022